

Gotong-royong bersama teman ubat rindu di Manchester

JAUH DI MANCHESTER, ENGLAND:

Walaupun
berasa kekok di
luar negara, Cik
Nur Zaimah
Zainalabidin, 24
tahun, akur
pengalaman
berpuasa di
negara orang
telah
mendewasakan-
nya. – Foto
ihsan NUR
ZAIMAH
ZAINALABIDIN



► FARAH DIYANAH TAYIB

Penulis sambilan

SEMUA pasti berasa sunyi dan sebak jika menjalani ibadah puasa berjauhan daripada keluarga. Apatah lagi jika ia merupakan pengalaman pertama.

Namun, bagi Cik Nur Zaimah Zainalabidin, 24 tahun, kehadiran rakan-rakan yang sentiasa saling membantu telah mengurangkan kesunyian itu.

Itulah yang beliau alami ketika berpuasa di rantauan ketika ini.

Beliau antara 70 pelajar dari Institut Teknologi Singapura (SIT) yang menyertai kursus kejururawatan di Universiti Manchester, England, hasil kerjasama antara kedua-dua institusi tersebut.

Cik Nur Zaimah yang akan melanjutkan percutian ke Eropah selepas programnya selesai, berkata:

“Tujuan kami ke sini adalah membuat kebajikan dan juga meraih pengalaman dengan memerhatikan cara jururawat di Manchester bekerja.

“Kami akan menjalani program kami di sebuah hospital di Manchester.

“Sebenarnya program kami di Manchester berlangsung selama tiga minggu, tetapi saya telah membuat keputusan menjelajah di Eropah sebelum saya pulang ke Singapura dan memulakan pengajian menjelang September.”

Menurut Cik Nur Zaimah, cabaran paling utama berpuasa di Manchester ialah faktor masa. Di sana beliau terpaksa berpuasa selama 18 hingga 19 jam.

“Pada mulanya memang rasanya agak sukar berpuasa begitu lama, tetapi seminggu kemudian saya sudah mula boleh menyesuaikan diri. Tambahan pula cuaca yang sejuk memudahkan saya berpuasa.

“Kawan-kawan di sini juga selalu bergotong-royong untuk menyiapkan juadah terbuka dan bersahur.

“Ada antara kami yang membawa rempah-ratus dari Singapura untuk menyiapkan juadah terbuka. Dengan cara ini, terubatlah rindu kepada keluarga dan masakan ibu tersayang.

“Saya juga lebih menghargai setiap makanan yang ada kerana dapat merasa hasil air tangan sendiri,” kata Cik Nur Zaimah yang mengakui berasa sayu berada berjauhan daripada keluarga pada kedua-dua bulan Ramadan dan Syawal.

Antara perkara yang akan dirindunya pada pagi pagi Syawal, menurutnya, adalah bermaaf-maafan bersama ahli keluarga.

Menurut Cik Nur Zaimah lagi, keriuhan menyiapkan juadah pada pagi Raya juga akan menjadi sesuatu yang beliau akan terbayang-bayang pada pagi Raya nanti kerana sudah menjadi kebiasaan bagi keluarganya sama-sama menyiapkan juadah setiap pagi Syawal.

“Saya harap rancangan saya mahu berkumpul bersama teman-teman sekelas yang lain dan mengadakan *potluck* dapatlah sedikit sebanyak mengubat rindu.

“Sejujurnya saya juga agak teruja menyambut Raya kerana saya pasti akan mendapat peluang berkongsi juadah Hari Raya dan juga budaya saya kepada mereka daripada kaum dan agama yang lain di sini,” ujar Cik Nur Zaimah.